


**SOKA**  
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:  
CZC06-CZ**

# 8H6M FANTASY AVATAR WORLD: ZHANGJIAJIE



温馨提示：  
晨昏期间，客流量大，为了  
大家的安全，请勿在桥上长久逗留，  
请提前做好准备。谢谢！

**TAMAN NEGARA ZHANGJIAJIE MERUPAKAN INSPIRASI UTAMA  
UNTUK LOKASI DALAM FILEM JAMES CAMERON YANG  
BERTAJUK AVATAR, ANTARA FILEM TERLARIS DI DUNIA!**

8H6M

# FANTASY AVATAR WORLD: ZHANGJIAJIE


**TOUR CODE:  
CZC06-CZ**
**HARI 01** KUALA LUMPUR -  
CHANGSHA - CHANGDE

MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Changsha. Menaiki bus ke Chengde.

Lawatan di **Changde**:

- **Changde Hui Village:** Menaiki boat cruise + electric cart. Perkampungan tradisional ini merupakan penempatan masyarakat Hui yang kaya dengan budaya Islam dan adat tempatan. Pelancong boleh berjalan-jalan di kampung, melihat seni bina tradisional, merasai makanan halal tempatan, serta memahami kehidupan dan budaya masyarakat Hui di China.
- **Gaoshan Street:** Jalan yang dipenuhi kedai tempatan, gerai makanan, dan cenderamata. Pelancong boleh berjalan-jalan menikmati suasana bandar, membeli barangan tradisional, mencuba makanan tempatan, serta mengambil gambar di sekitar kawasan yang meriah ini.

Bermalam di **Changde**.

**HARI 02** CHANGSHA -  
FENGHUANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Fenghuang**:

- **Fenghuang Ancient City:** Dikenali sebagai Phoenix Ancient Town, adalah sebuah destinasi yang kaya dengan sejarah dan budaya, terletak di barat daya Hunan, China. Kota kuno ini adalah contoh yang luar biasa dari budaya dan kehidupan orang Miao dan orang Tujia, dua etnik minoriti yang mendominasi kawasan ini. Fenghuang merupakan tempat yang popular bagi pengunjung yang ingin menyelami sejarah, arsitektur tradisional, dan keindahan alam yang menakjubkan.
- **Wanming Tower:** Dikenali sebagai Pagoda Wanming, merupakan bangunan yang dibina pada 1977 semasa Dinasti Qing. Selepas menara asalnya dimusnahkan, seorang pelukis terkenal bernama Mr Huang Yongyu yang juga kelahiran di bandar Fenghuang telah memanggil orang tempatan untuk mengumpul dana bagi pembinaan semula dan menamakan kepada Wanming Pagoda.
- **Shawan Scenic Area:** Terletak di luar East Gate City Tower, antara salah satu tempat tarikan landskap yang elit di Fenghuang Ancient City. Pelancong perempuan sangat disyorkan untuk menyewa dan memakai pakaian etnik tempatan untuk bergambar di kawasan ini. Anda juga, boleh menikmati minuman kopi dan teh sambil melihat pemandangan yang indah di sini.
- **Ancient Stone Street:** Dibina pada tahun ke-43 Maharaja Kang Xi Dinasti Qing (1704). Pada tahun 1700, tempat ini merupakan laluan masuk dan keluar utama di bandar purba Phoenix. Semasa zaman revolusi Qian Jia yang didalangi orang Miao, pemberontakan dan perang pembebasan yang berlaku tempat ini sentiasa menjadi jalan utama untuk menyerang bandar Phoenix.

Bermalam di **Fenghuang**.

**HARI 03** FENGHUANG -  
ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Fenghuang**:

- **Furong Town Scenic Area:** Menaiki boat cruise & electric cart. Perkampungan purba yang dibina di tebing air terjun yang indah untuk menikmati pemandangan air terjun, mengambil gambar, serta merasai suasana budaya etnik tempatan yang unik.

Bermalam di **Zhangjiajie**.

**HARI 04** ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhangjiajie**:

- **Tujia Custom Park:** Taman budaya ini mempamerkan kehidupan dan tradisi etnik Tujia dapat menyaksikan persembahan tarian dan muzik tradisional, melihat rumah-rumah etnik, mencuba pakaian tradisional, serta memahami adat resam dan budaya unik masyarakat Tujia.
- **Tianmenshan National Forest Park:** terletak 8km dari pusat bandar Zhangjiajie, merupakan gunung tertinggi di Zhangjiajie. Terdapat sebuah gua Tianmen yang menjadikan tempat ini popular. Gunung ini antara gunung yang dipelihara keasliannya dari segi spesies tumbuhan yang jarang ditemui seperti pokok bonsai di hutan ini.
- **Tianmenshan Cable Car:** Merupakan laluan kabel penumpang terpanjang di dunia dengan ukuran 7200 meter. Kereta kabel ini boleh membawa maksima kapasiti 1000 penumpang per jam dan satu hala. Kereta kabel Gunung Tianmen ini akan memberikan anda satu kenangan yang indah semasa berada di sana. Ianya antara salah satu kereta kabel di China dengan jurang ketinggian melebihi 1000 meter dan kecerunan dari stesen tengah ke stesen atas adalah setinggi 38 darjah yang jarang berlaku di dunia.
- **Tianmen Cave:** Salah satu gua yang terdapat di gunung Tianmen iaitu Gua Tianmen bermaksud "pintu ke syurga" dalam bahasa Mandarin yang menjadikan tempat tersebut popular. Asalnya ia hanya sebuah lubang besar di gunung tetapi orang memanggilnya gua dan telah menjadi satu tarikan di Gunung Tianmen.
- **Glass Walkway:** Dikenali juga sebagai Zhangjiajie Glass Footpath adalah jambatan pejalan kaki di Zhangjiajie, Hunan di atas Kawasan Wulingyuan. Lantai jambatan ini dibina dari kaca yang lutsinar yang menampilkan suasana di bawah jambatan untuk tarikan pelancong. Semasa jambatan ini dibuka, ia merupakan jambatan kaca terpanjang di dunia. Ia direka untuk menampung sehingga 800 pelawat pada satu masa.

Bermalam di **Zhangjiajie**.

**HARI 05** ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhangjiajie**:

- **Bailong Elevator:** Pengunjung dapat merasai lif Bailong yang mempunyai tiga rekod dunia, iaitu merupakan lif penumpang terlaju, kapasiti beban terbesar dan tertinggi di dunia.
- **Tianzi Mountain:** terletak di kawasan Wulingyuan dan mencakup area seluas sekitar 67 kilometer persegi. Ini adalah wilayah yang penuh dengan puncak batu kapur yang menjulang, lembah yang dalam, dan hutan yang lebat. Puncak-puncak di Gunung Tianzi terkenal dengan bentuknya yang unik dan mistis, sering kali diselimi oleh kabut tipis yang menambah suasana misterius dan magis. Kawasan ini terkenal dengan fenomena alamnya seperti awan laut, sinar matahari, bayangan Buddha, dan salju musim dingin yang menambah keindahan alamiahnya.
- **Xihai Stone Forest:** Terkenal dengan formasi batuan granitnya yang spektakuler, yang terbentuk melalui proses erosi jutaan tahun yang lalu. Batuan ini membentuk pilar-pilar tinggi yang menyerupai pepohonan, memberikan kesan seperti hutan batu. Formasi batu ini memiliki berbagai bentuk dan ukuran, dengan puncak-puncak yang sering diselimi oleh awan atau kabut, menambah suasana mistis dan dramatis.
- Lawatan menaiki kereta api kecil **Ten Mile Gallery** yang menawarkan pemandangan indah seperti **Medicine Picking Old Man**, dan **Three Sisters Peak**, tiga puncak gunung yang tersusun megah melambangkan keindahan semula jadi yang menakjubkan.

• **Zhangjiajie National Park:** Taman negara ini terkenal dengan formasi batu pasir yang menjulang tinggi dan pemandangan alam semula jadi yang menakjubkan. Pelancong boleh meneroka laluan berjalan kaki, menaiki lif luar tertinggi di dunia, menikmati pemandangan dari platform tinjauan, serta mengambil gambar landskap unik yang menjadi inspirasi kepada filem Avatar. Bermalam di **Zhangjiajie**.

HARI  
**06** | ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhangjiajie:**

• **Grand Canyon Scenic Area:** Terletak di perbandaran Sanguansi, daerah Cili, bandar Zhangjiajie, berdekatan kawasan pemandangan Wulingyuan di mana ianya tersenarai dalam Warisan Alam Semula Jadi Dunia. Grand Canyon ini merupakan kawasan pelancongan yang baru dibangunkan di Zhangjiajie. Jambatan kaca di Zhangjiajie Grand Canyon merupakan jambatan terpanjang dan tertinggi di dunia. Di sini anda akan merasa kegayatan menaiki jambatan kaca, menaiki bot, flying fox (zipline termasuk dalam pakej) dan menikmati keindahan Rainbow Square

Bermalam di **Zhangjiajie**.

HARI  
**07** | ZHANGJIAJIE - CHANGSHA -  
KUALA LUMPUR

SP/MT/MM

Lawatan di **Changsha:**

- **Changsha Mosque:** Di bina pada 1711 semasa dinasti Qing, oleh sekumpulan peniaga muslim yang datang ke Changsha dari daerah Heman, Shanxi dan Shaanxi. Satu Ketika dahulu, masjid Changsha merupakan masjid terbesar, malangnya pada tahun 1938, masjid tersebut musnah akibat kebakaran. Selepas pembinaan semula sejak kebakaran tersebut, masjid Changsha telah menjadi masjid terbesar di situ.
- Membeli-belah di kawasan **IFS Changsha, Pazi Street** dan **Huangxing Pedestrian Commercial Street** tempat dimana pusat beli-belah, pusat hiburan, catering, budaya dan pelancongan integrasi di sini. Di samping itu, terdapat pelbagai kedai pakaian, barang kemas, makanan yang jual di sini.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI  
**08** | KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur.



## PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN  
CNY 1 = RM 0.65



## PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



### Musim Panas:

Jun - Ogos



### Musim Luruh:

Sept - November



### Musim Sejuk:

Disember - Feb



### Musim Bunga:

Mac - Mei



Zhangjiajie

# TOUR HIGHLIGHTS

1.



## CHANGDE HUI VILLAGE

Perkampungan tradisional ini merupakan penempatan masyarakat Hui yang kaya dengan budaya Islam dan adat tempatan. Pelancong boleh berjalan-jalan di kampung, melihat seni bina tradisional, merasai makanan halal tempatan, serta memahami kehidupan dan budaya masyarakat Hui di China.

2.



## GAOSHAN STREET

Jalan yang dipenuhi kedai tempatan, gerai makanan, dan cenderamata. Pelancong boleh berjalan-jalan menikmati suasana bandar, membeli barangan tradisional, mencuba makanan tempatan, serta mengambil gambar di sekitar kawasan yang meriah ini.

3.



## FURONG TOWN SCENIC AREA

Dikenali sebagai Phoenix Ancient Town, adalah sebuah destinasi yang kaya dengan sejarah dan budaya, terletak di barat daya Hunan, China.

4.



## ZHANGJIAJIE NATIONAL PARK

Berpeluang berjalan di atas laluan kaca, menaiki kereta kabel dan eskalator menembus gunung di Tianmen Mountain National Forest.

## Hotel Penginapan 3\* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Changde	1 Mlm
Fenghuang	1 Mlm
Zhangjiajie	1 Mlm
Zhangjiajie	3 Mlm

## Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	CZ 5050	KUL - CSX	0310	0800
7	CZ 5049	CSX - KUL	2115	0210

## Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Urusan pemprosesan visa (warganegara Malaysia sahaja).
- Compulsory Shopping: Chinese Medicine, Latex & Jewelry.

## Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.